



TEKS UCAPAN

**YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**

SEMPENA

**MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN SIJIL KURSUS
KEPADA Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan
Penduduk Negeri Selangor Sesi 2016 -2018**

**TARIKH : 22 OKTOBER 2017 (AHAD)
MASA : 11.00 PAGI – 1.00 TENGAH HARI
TEMPAT : DEWAN UTAMA, NATURAL HEALTH
NATUROPATHIC ACADEMY (NHNA),
NO. 39, JALAN PENGACARA U1/48,
SEKSYEN U1, TEMASYA
INDUSTRIAL PARK, 40150 SHAH
ALAM**

Aluan

Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique
Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Yang Berbahagia Datuk Haji Mohammad bin Mentek
Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Yang Berbahagia Dato' Sri Alex Ong
Timbalan Presiden Natural Health
Naturapathic Academy - sebagai rakan strategik penganjuran
kursus ini,

Yang Berusaha Dr. Mary Wong Lai Lin
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

Yang Berusaha Tuan Haji Zamri bin Salleh
Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

Yang Berusaha Encik Khairul Dzaimie Bin Daud
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

Yang Berbahagia Dato' Mohd Rosli bin Ramli
Pegawai Kemajuan Negeri Selangor,
Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor

Yang Berusaha Pengerusi-Pengerusi Majlis Perwakilan
Penduduk (MPP), Negeri Selangor

Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Agensi

Wakil-wakil Media

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Anggota-anggota JPP yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera
dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan izin dan limpah kurnianya jua kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Penutup Kursus kepada Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Negeri Selangor Bagi Sesi 2016-2018.

2. Sekalung ucapan tahniah dan syabas diucapkan kepada Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan anggota-anggota JPP Negeri Selangor yang tercinta ini. Saya difahamkan seramai 268 orang Pengerusi JPP Negeri Selangor yang telah dilantik dan komited menghadiri kursus ini.

3. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor (PPPNs) dan Pemimpin Tempatan Persekutuan (PTP) yang banyak membantu Kementerian dalam menjayakan penubuhan JPP di Negeri Selangor. Diharapkan agar kerjasama erat ini dapat berkekalan selaras dengan pendekatan Kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat bandar.

4. Di samping itu saya ingin mengucapkan syabas kepada kementerian kerana julungkalinya menganjurkan kursus ini melalui pendekatan kerjasama strategik dengan pihak *Natural Health*

Naturopathic Academy (NHNA). Terima kasih kepada Timbalan Presiden NHNA yang sejak awal lagi memberi komitmen dengan menyediakan kemudahan tempat untuk penganjuran kursus ini.

Yang Berbahagia Dato'/Tuan/Puan dan hadirin sekalian,

5. Saya amat tertarik dan mengucapkan syabas kepada Kementerian, yang telah memperkenalkan modul kursus baharu yang lebih relevan dengan perkembangan semasa. Seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha KPKT sebentar tadi, modul baharu ini merangkumi pelbagai ilmu dan kemahiran bagi memperkasakan pemimpin masyarakat yang bertanggungjawab, berilmu dan mahir sebagai penggerak masyarakat bandar. Dengan inti pati kursus yang begitu mantap, saya amat berharap ianya dapat membantu YBhg. Dato'/tuan/puan dalam menggalas amanah yang telah dipertanggungjawabkan bagi mengukuhkan lagi mekanisme sedia ada di kawasan bandar dengan memberi peluang kepada penduduk bandar untuk turut serta dalam pembangunan dan pengurusan di kawasan yang mereka diami.

6. Saya juga berharap YBhg. Dato'/tuan/puan telah dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dari sudut kepimpinan serta mendapat pendedahan tentang hala tuju

pengurusan JPP. Dengan pengetahuan ini dapatlah hendaknya tuan/puan memastikan urusan dan pelaksanaan di peringkat JPP dapat dilakukan dengan efektif.

Yang Berbahagia Dato'/Tuan/Puan dan hadirin sekalian,

7. Seajar dengan objektif kursus ini, pihak Kementerian berharap agar YBhg. Dato'/tuan/puan yang telah dilantik sebagai Pengerusi JPP, benar-benar kompeten dan bersedia untuk menggalas tugas sebagai wakil masyarakat setempat bagi menyokong program pembangunan masyarakat di samping menangani isu-isu perbandaran di PBT.

8. Saya ingin menyeru YBhg. Dato'/tuan/puan selaku Pengerusi JPP untuk mempersiapkan diri sepenuhnya kerana tugas yang menanti, bakal menjadi cabaran dalam kehidupan tuan/puan. Berhadapan dengan pelbagai lapisan masyarakat merupakan tugas yang mencabar serta memerlukan ketahanan mental dan fizikal.

9. Kepada semua Pengerusi JPP yang telah dilantik semula mahupun yang baharu dilantik, tuan/puan merupakan calon yang terbaik yang dilantik oleh Kementerian atas cadangan yang dikemukakan oleh pihak Pejabat Pembangunan Persekutuan

Negeri Selangor dan Pemimpin Tempatan Persekutuan bagi mewakili zon masing-masing. Saya yakin dan percaya pelantikan YBhg. Dato'/tuan/puan adalah berasaskan kepada kemampuan untuk menggalas amanah dan tanggungjawab bagi mewakili masyarakat setempat.

10. Peranan YBhg. Dato'/tuan/puan khususnya sebagai Pengerusi JPP ini amat penting dalam memastikan kesinambungan organisasi JPP di Negeri Selangor. Dengan kata lain, YBhg. Dato'/tuan/puan boleh diibaratkan sebagai wakil kepada rakyat yang ada di sesuatu zon atau kawasan. Selaku "*wakil rakyat kecil*", YBhg. Dato'/tuan/puan boleh menjadi perantara, menjadi mata dan telinga dan juga harapan kepada rakyat di dalam zon di kawasan YBhg. Dato'/tuan/puan. Semoga dengan mandat yang diberikan ini, menjadi pemangkin dan meningkatkan azam YBhg. Dato'/tuan/puan untuk terus lebih berusaha dalam menjalankan tugas yang diberikan dengan lebih cemerlang.

Yang Berbahagia Dato'/Tuan/Puan dan hadirin sekalian,

11. Sepertimana YBhg. Dato'/tuan/puan sedia maklum, pihak Kementerian telah memutuskan bahawa tiada bayaran elaun bagi

JPP yang tidak lengkap pelantikan keanggotaannya seramai 10 orang mulai 1 September 2016. Bagi Negeri Selangor, masih terdapat 17 zon JPP yang belum lengkap lantikan 10 orang anggota. Pembayaran elaun hanya dibuat selepas struktur JPP itu lengkap sepenuhnya. Oleh itu, saya berharap agar YBhg. Dato'/tuan/puan selaku Pengerusi JPP yang dilantik dapat melengkapkan struktur JPP di zon masing-masing dengan segera.

12. Di samping itu, saya juga ingin mengingatkan YBhg. Dato'/tuan/puan supaya lebih fokus dalam memainkan peranan sebagai Anggota JPP supaya tidak tersasar daripada matlamat asal **tiga (3) objektif** utama penubuhan JPP seperti berikut:

- (i) Menggalakkan **penyertaan penduduk** dalam program dan pembangunan kawasan setempat;
- (ii) Membantu menangani isu-isu kesejahteraan bandar dan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan; dan
- (iii) Mewujudkan hubungan yang baik antara masyarakat di kawasan kejiranan setempat.

Yang Berbahagia Dato'/Tuan/Puan dan hadirin sekalian,

13. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pihak Kementerian telah melancarkan Buku Gerak Kerja JPP pada 26 Mac 2016 bagi membantu JPP merancang dan melaksanakan aktiviti dan program kemasyarakatan mengikut keperluan penduduk setempat. Diharapkan Buku Gerak Kerja JPP tersebut, dapat dijadikan panduan kepada semua Anggota JPP dalam melaksanakan program dan aktiviti terutamanya program-program di bawah inisiatif Kementerian secara seragam. Sekali lagi ingin saya ulangi program yang disenaraikan termasuk, Gerak Kerja MyBomba JPP, Gerak Kerja Komuniti Selamat, Gerak Kerja Komuniti Sihat, Gerak Kerja Komuniti Bersih, Gerak Kerja Komuniti Indah (*1 Park 1 Community*) dan Gerak Kerja Komuniti Sejahtera.

14. Dalam hal ini, saya berharap agar semua Anggota JPP terus berusaha untuk melaksanakan pelbagai program di bawah inisiatif tersebut supaya dapat menyemarakkan perpaduan dan penyertaan penduduk dalam menjaga dan memelihara kawasan komuniti masing-masing dari segi aspek keselamatan, kesihatan, kebersihan dan keindahan. Mutakhir ini, seringkali kita dengar tragedi kebakaran berlaku, oleh yang demikian YBhg. Dato'/tuan/puan perlu memainkan peranan yang aktif dalam membentuk pasukan MyBomba JPP untuk setiap zon JPP yang

dilantik dan menjadikannya sebagai pertunjuk prestasi utama (KPI) Tahun 2018.

15. Saya sekali lagi ingin mengingatkan bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin terhadap kepentingan rakyat dan sering mendahulukan rakyat dalam mentadbir negara ini. Dalam apa-apa jua perancangan atau program pembangunan negara kepentingan rakyat sentiasa diberikan keutamaan dan didahulukan. Sehubungan itu, diharapkan agar YBhg. Dato'/tuan/puan dapat memberikan contoh kepimpinan yang baik, menjalankan amanah yang diberikan dengan penuh rasa tanggungjawab bagi melaksanakan dasar-dasar penubuhan JPP. Tindakan ini sekali gus akan dapat menyemai penerimaan komuniti setempat terhadap JPP yang akhirnya diterjemahkan melalui peningkatan sokongan dan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan. Jalankanlah tugas sebagai *opinion leader* dan menjadi contoh terbaik kepada penduduk setempat dan tariklah lebih ramai penduduk untuk bersama-sama dengan Kerajaan dengan memberikan imej yang baik kepada mereka.

16. Penutup bicara pada tengah hari ini, sekalung tahniah dan syabas kepada YBhg. Dato'/tuan/puan selaku Pengerusi JPP yang telah dilantik semula dan tidak lupa juga kepada Pengerusi JPP yang baharu bagi penggal kedua yang sudi hadir bagi

menerima sijil kursus pada hari ini. Semoga YBhg. Dato'/tuan/puan lebih berusaha dan bersemangat dalam menjalankan tugas yang diberikan serta diucapkan Selamat Maju Jaya.

17. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan rasminya menutup Kursus JPP Negeri Selangor Bagi Penggal Kedua Tahun 2017.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.